

HM SABTU 28/11/09 m/s 19.

# 'Peragut tendang kami'

## Gadis 14 tahun pengsan tersembam di jalan raya pertahan telefon bimbit atas motosikal

>>Oleh Omar Osman  
am@hmetro.com.my

**S**UNGAI PETANI: "Saya cuba menghalang peragut itu daripada merampas telefon bimbit, namun gagal sebelum motosikal kami terbalik ditendang lelaki itu," kata Nadira Saerah Mohd Zin, 14, yang terpaksa menerima lima jahitan di muka selepas menjadi mangsa ragut, di Semeling dekat sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 9.30 malam, mangsa yang membonceng motosikal bersama rakannya dalam perjalanan pulang ke rumah di Kampung Paya Suri selepas mengunjungi sebuah kedai telefon di Pekan Semeling.

Nadira Saerah yang tersembam di jalan raya dan cedera di muka sebelum pengsan, dihantar ke Jaba-



**SIMPATI...Shahanim (kiri) memeriksa kecederaan dialami Nadira.**

tan Kecemasan Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) oleh seorang pemilik bengkel yang berada berdekatan lokasi kejadian.

Bagaimanapun, mangsa se-

dar selepas setengah jam di ICU. Akibat kejadian itu mangsa menerima lima jahitan di muka, manakala rakannya Norhafizah Abd Rahman, 16, cedera ringan.

Nadirah Saerah ketika ditemui di rumahnya berkata,

sebelum kejadian dia mencurigai tingkah laku seorang lelaki yang mengekori mereka ke kedai telefon bimbit berkenaan selain sering memerhatikan mereka berdua.

Katanya, lelaki itu terus mengekori sehingga mereka ke-

luar daripada premis berkenaan.

"Ketika sampai di simpang Pekan Semeling, telefon bimbit yang diletakkan dalam poket seluar berbunyi dan sebaik tiba di depan Sekolah Kebangsaan (SK) Semeling, saya mengeluarkan telefon untuk menjawab panggilan sebelum seorang lelaki yang menunggang motosikal dari arah belakang merampas telefon bimbit.

"Saya yang terkejut dengan kejadian itu bergelut dan menggendang telefon bimbit berkenaan, namun lelaki itu berjaya merampas telefon itu dan menendang motosikal yang kami naiki hingga terbalik.

"Saya cedera di kepala dan muka selepas tersembam di atas jalan dan tidak sedarkan diri," katanya ketika ditemui selepas menerima kunjungan Naib Ketua Puteri Umno, Shahanim Mohd Yusoff di

rumahnya, semalam.

Shahanim turut menyampaikan sumbangan RM500 daripada Tabung Banteras Rogol Dan Ragut (B2R) yang diwujudkan Puteri Umno bagi membantu mereka yang menjadi mangsa jenayah berkenaan.

Shahanim berkata, tabung B2R diwujudkan pergerakan itu pada awal tahun ini bertujuan disalurkan kepada mangsa jenayah berkenaan mengikut kadar kecederaan yang dialami mangsa.

Ini adalah kejadian kedua membabitkan jenayah ragut di negeri ini dalam tempoh kurang 24 jam.

Malam Rabu lalu, seorang wanita warga emas yang membonceng motosikal anak lelakinya maut kira-kira enam jam selepas terjatuh akibat diragut ketika dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di Kampung Alor Binjai, Pendang.